

RM5.1 juta jayakan Rangsangan Sukan Selangor sejak 2011

SHAH ALAM - Sejumlah RM5.1 juta dibelanjakan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang) untuk menjayakan program Rangsangan Sukan Selangor (RSS), sejak 2011.

Pengarah Bersekutu, Perhubungan Awam dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Perangsang, Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata, ia termasuk RM1.45 juta yang diperuntukkan bagi program RSS, tahun ini.

Katanya, RSS membabitkan lapan jenis sukan iaitu badminton, boling, renang, berbasikal, bola sepak, skuasy, sepak takraw dan memanah.

"Matlamat utama program adalah memupuk budaya bersukan dalam kalangan pelajar

Matlamat utama program adalah memupuk budaya bersukan dalam kalangan pelajar dan golongan belia serta menggalakkan gaya hidup sihat

MOHD FAUZI
Pengarah Bersekutu, Perhubungan Awam dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Perangsang

dan golongan belia serta menggalakkan gaya hidup sihat.

"Ia juga bertujuan menanam minat dan memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat



di Selangor untuk mempelajari ilmu sukan," katanya dalam kenyataan.

Sehingga kini, RSS berjaya menarik 13,873 peserta dalam lapan jenis sukan berkenaan menerusi 104 program, di seluruh Selangor.

Ia termasuk renang dan



Sekolah Menengah Dato' Harun muncul juara Piala Dato' Mokhtar Dahari selepas menewaskan Sekolah Menengah Saujana Impian dengan tiga gol berbalas satu, pada 20 Mei lalu

gan 3,176 peserta, badminton (1,137), bola sepak (989), berbasikal (890), bowling (819), memanah (612), sepak takraw (515) dan skuasy (429).

Ia turut merangkumi penyertaan di dalam Kejohanan Piala

Raja Muda Selangor iaitu 808 peserta pada 2014, 876 (2015) dan 926 (2016).

Sementara itu, Kejohanan Piala Dato' Mokhtar Dahari pula menarik 844 peserta pada 2014, 896 (2015) dan 956 (2016).